

**DIALOG BORNEO- KALIMANTAN KE- 12**  
**INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB) CAWANGAN Sarawak**  
**4 – 6 Jun 2015**

---

**SUMPAHAN BATU SI BONGKOK**

Oleh: **Othman Mahali (Ketua 1) dan Sahar Misron (Ketua 2) PERWILA**

Kertas kerja ini menyentuh karya penyelidikan peradaban seni budaya dan penerbitan mengenai kisah Sumpahan Batu Si Bongkok yang menjadi cerita lisan orang-orang Pulau Labuan sejak zaman berzaman.

Kisah Sumpahan Batu Si Bongkok ini mempunyai beberapa versi. Ini tidak mustahil berlaku disebabkan sumber pencerita atau tanggapan pendengar yang mungkin terjadi sama ada bertambah atau berkurang atau sengaja disesuaikan mengikut selera si pencerita hingga kisah asalnya berubah dari seseorang kepada seseorang yang lain. Ada pun kedudukan Batu Si Bongkok ini terletak di sebuah Tanjung Kampung. Imej batu ini masih boleh dilihat tetapi semenjak berlakunya penambahan atau penimbusan di sekitarnya dalam tahun awal tahun 1990an menyebabkan batu besar ini sebahagian besarnya telah tertimbus dan menjadikan bentuk batu utama yang dimaksudkan si Bongkok (suami) hilang atau tinggal bahagian kepalanya sahaja yang kelihatan. Manakala sebiji batu lagi (agak kecil) yang dikatakan sebagai isterinya langsung lenyap sama sekali. Dalam kisah seterusnya nama si Bongkok dinamakan sebagai Putera dan isterinya diberi nama Kasuma. Penulis mencadangkan nama si Bongkok itu kurang sesuai kerana ia hanya mengikut bentuk batu yang bongkok. Putera dipilih kerana dia seorang wira atau pendekar pada zamannya. Manakala Kasuma adalah seorang isteri yang setia dan sangat kasih kepada suaminya.

Batu-batu yang dimaksudkan si Bongkok dan isternya mungkin terletak di atas tanah daratan tetapi oleh kerana proses perubahan cuaca dan hakisan tanah maka batu ini lama kelamaan ia berada di dalam air. Ketika air pasang si Bongkok kelihatan seperti orang sedang berdiri. Manakala isterinya agak jauh ke tepi pantai. Diceritakan bahawa Putera bersama beberapa orang rakannya pergi berguru kepada seorang guru ahli pencak silat yang terbilang. Tok Guru silat ada mempunyai seorang anak dara bernama Kasuma (nama yang diberi oleh penulis). Di pendekkan cerita Putera (mama yang diberi oleh penulis) telah tertarik dan jatuh hati kepada anak gadis Tok Guru, Kasuma. Kedua-dua teruna dan dara ini saling cinta mencintai, pada mulanya Putera bimbang kalau-kalau dia hanya bertepuk sebelah tangan sahaja. maka Putera pun melahirkan hasrat hatinya kepada Tok Guru. Tok Guru pun menerima pinangan Putera. Lagi pun pada pandangan Tok

Guru, Putera adalah antara muridnya yang bijak dan tangkas lalu menjodohkan anaknya dengan Putera. Apabila tempoh pengajian sudah tamat maka anak-anak murid Tok Guru pun meminta diri pulang ke kampung halaman masing-masing kecuali Putera.

Sebelum rakan-rakannya pulang Putera telah berpesan kepada salah seorang sahabat karibnya bernama Lingga (nama yang diberi oleh penulis) meminta sampaikan sembah salam kepada kedua ibu bapanya bahawa dia (Putera) tidak dapat pulang buat sementara untuk menemui mereka kerana dia tidak sampai hati meninggalkan isterinya, Kasuma bersama bapa mertua. Beberapa ketika kemudian berlaku perubahan kepada Putera. Dia sering duduk bersendirian dan termenung. Keadaan perubahan Putera ini sering diperhatikan oleh Kasuma. Bermacam andaian bermain di kepalanya, adakah Putera menyesal bernikah dengannya atau disebabkan dia tidak dapat pulang bersama rakan-rakan. Maka Kasuma pun bertanya kepada suaminya mengapa kelihatan dia sudah berubah tidak gembira. Maka banyaklah pertanyaan Kasuma kepada suaminya mengenai perubahan suaminya itu. Kerana dia bimbang perubahan suaminya disebabkan dirinya sendiri. Hal inilah yang Kasuma takutinya. Kalau disebabkan oleh Kasuma maka dia mahu Putera terangkan apa kesalahan yang dia telah lakukan hingga Putera tidak senang hati.

Maka setelah Kasuma mendesak punca Putera berubah maka Putera pun ingin berterus terang walaupun berat rasa dia membuka mulut tetapi kerana dia tidak mahu menggores perasaan isteri yang sangat disayanginya. Malah dia tidak mahu sikap membisunya menyebabkan hati Kasuma terluka. Maka Putera pun berterus terang bahawa segala salah sangka isterinya bukanlah punca yang menyebabkan dia selalu menyendiri tetapi ada hal yang lebih besar yang sedang difikirkannya. Hal inilah yang mengganggu fikirannya. Jika dia luahkan tanpa berhati-hati takut-takut isterinya tidak dapat menerima. Tetapi demi masa depan dan demi kepentingan keamanan apa yang sedang difikirkannya perlu diutamakannya. Dia mahu isterinya akan faham dan bersetuju hasrat yang sedang difikirkannya itu. Namun walaupun Kasuma belum mengetahui apa yang dikirkan oleh suaminya tetapi dia gembira bahawa perubahan yang berlaku ke atas suaminya itu bukan disebabkan oleh apa-apa yang disangsikanya selama ini. Dia lebih gembira lagi bahawa suaminya seorang yang berjiwa besar dan bercita-cita tinggi. Kasuma mengaku bahawa dia akan sentiasa berada di samping suaminya jika tenaga dan sokongannya diperlukan.

Sebelum perubahan berlaku ke atas Putera, bapa mertua Putera, Tok Guru telah memberitahu Putera ada baiknya Putera pergi berguru dengan Sang Betara Guru di Tanjung **Pinang** untuk mendalami ilmu kebatinan yang sangat-sangat diperlukan oleh seorang pendengar. Kerana ilmu yang diperturunkannya terlalu tohor. Putera sangat gembira dengan cadangan Tok Guru kerana memang cita-citanya untuk menjadi

seorang pendekar yang perkasa. Namun Putera ragu-ragu untuk meninggalkan isterinya yang sedang mengandung tiga bulan. Hal ini telah dinyatakan oleh Putera kepada bapa mertuanya. Tetapi Tok Guru memberi jaminan bahawa dia akan dapat menjaga isterinya. Dan janganlah hal itu menjadi alasan atau halangan Putera untuk pergi berguru ke Tanjung **Pinang**. Kerana tempoh perguruan hanya empat purnama sahaja. Maka berpunca dari cadangan Tok Guru itu hati Putera membuak-buak untuk menimba ilmu dengan Sang Betara Guru di Tanjung **Pinang**. Namun untuk melangkah kaki ke TP bukan sesuatu yang mudah. Terlalu banyak duri dan ranjau yang terpaksa ditempuhi. Lagi pun berguru dengan Sang Betara Guru bukanlah mudah. Dia boleh bertukar wajah menjelma seekor harimau yang ganas, atau seekor ular yang kejam tetapi ia hanya boleh ditewaskan dengan ketabahan, kesabaran dan tipu daya yang bijaksana. Namun Putera yakin bahawa dia boleh menerima segala cabaran mendatang.

Maka dengan semangat yang berkobar-kobar di dada Putera telah menyatakan hasratnya kepada isterinya, Kasuma. Dia meminta isterinya bersabar dan berdoa semoga segala cita-citanya akan tercapai. Namun bagi Kasuma bukanlah semudah itu dia melepaskan suami pergi sebenarnya dalam hatinya memang dia berbangga mempunyai suami yang gagah berani. Tetapi apa yang diharapkannya supaya suaminya tidak leka, lebih menumpukan atau fokus ilmu yang dicari agar beroleh kejayaan. Sebelum melangkah pergi Putera telah mengingatkan Kasuma supaya bersabar dan mematuhi syarat perguruan dengan Sang Betara Guru bahawa tiada sesiapa pun pada bila-bila masa yang datang menyusulinya kerana jika dilanggar pantang ini akibat buruk akan menimpa. Kandatipun Kasuma berjanji akan setia menunggu kepulangan suaminya.

Beberapa bulan kemudian berlaku kejadian yang menimpa bapa Kasuma. Dia telah dibunuh oleh seseorang yang berpengaruh kerana berdendam tidak dapat berkahwin dengan Kasuma, anak Tok Guru sebaliknya mengahwinkannya dengan Putera anak murid Tok Guru sendiri. Sebelum menghembus nafas yang terakhir Tok Guru berpesan supaya Kasuma melarikan diri sebaik selesai mengengebumikannya Orang Kaya itu mahu menangkap dan menjadikannya isteri mudanya. Beberapa malam selepas bapanya meninggal Kasuma mendapat gangguan dalam tidurnya. Dia telah mendengar suara supaya Kasuma menyusuli suaminya, kerana dia telah digoda oleh puteri-puteri bunian dan dia tidak akan pulang menemuinya. Dia juga telah bermimpi buruk bahawa Putera sudah berkahwin dengan puteri-puteri bunian. Ini menyebabkan fikiran Kasuma runsing dan tidak tahu apa yang patut dilakukannya. Dia asyik mengalirkan air mata kerana terkenangkan suaminya tidak pulang-pulang.

Malahan suara-suara dan bisikan yang diterimanya sering mengganggu emosinya apatah lagi bisikan-bisikan itu mengatakan bahawa suami telah digoda dan ditawan oleh puteri-puteri bunian yang terbilang

kecantikannya. Manakala suara-suara datang bertimpa-timpa memujuk dan mendesaknya supaya menyusul atau mencari suaminya di tempat pertapaan suaminya. Fikiran Kasuma semakin kusut semenjak kematian bapanya. Tok Guru itulah yang menjaganya selama ini. Kini dia tidak ada lagi. Siapa lagi tempatnya mengadu.

Maka putuslah sudah di hatinya mahu menyusul suaminya. Ketika Kasuma mengemas-ngemas pakaian dan memasak makanan yang menjadi kegemaran suaminya untuk dibawanya tiba-tiba muncul dua orang tua suami isteri di dalam rumahnya. Mereka berasa hairan ke mana gerangan Kasuma hendak pergi. Setelah mengetahui isteri Putera itu hendak mencari sang suami di tempat pertapaan dukacitalah hati mereka. Lalu memujuknya supaya jangan menurutkan hati yang sedang bergelora. Kasuma pula bertambah sedih kerana cuba dihalang oleh orang yang tidak dikenalnya.

Salah seorang dari mahluk yang tiba-tiba muncul itu memberi tahu bahawa mereka adalah penghuni jiran Kasuma yang berumah tidak berapa jauh dari rumah Kasuma. Mereka sangat simpati dan bersedia menolong Kasuma. Tetapi apakan daya mereka kerana keputusan Kasuma tidak dapat dihalang lagi.

.....

Pertapaan Putera semakin hampir tamat. Hanya tinggal beberapa ketika lagi. Dalam pertapaannya dia telah berjaya mengatasi segala percubaan untuk menguji segala ilmu mempetahankan diri termasuk ilmu kebatinan yang dipelajari dari Sang Betara Guru telah tamat. Semua percubaan untuk menguji ketahanan Putera termasuk digoda oleh puteri-puteri bunian yang cantik tetapi tidak berupaya menggodanya. Putera bukanlah seorang petapa yang mudah terpedaya atau digoda dengan gadis-gadis bunian rupawan. Dia benar-benar menumpukan segala perhatian kepada pertapaannya. Kerana dia telah berjanji kepada bapa mertuanya dan isterinya bahawa dia akan pulang membawa ilmu mempertahankan diri yang hanya tinggal beberapa ketika lagi.

Putera berharap isterinya akan terus bersabar menanti kepulangannya.

.....

Setelah berjalan mengharungi gunung gaung, bukit dan sungai akhirnya Kasuma tiba di suatu tanjung yang pemandangannya sangat indah. Dia pun duduk merehatkan tubuhnya yang teramat letih di tepi banir pokok meranti. Setelah letihnya hilang maka dia pun berjalan berkeliling tanjung. Kasuma yakin disitulah suaminya bertapa kerana terdapat bukit-bukit batu yang mungkin di dalamnya ada gua. Hari semakin senja cuaca redup. Bulu romanya tiba-tiba naik meremang, tetapi Kasuma tidak peduli semua itu. Setelah begitu yakin dia pun membuka mulutnya berteriak memanggil, "Abang Putera!" beberapa kali. Suaranya bergema di seluruh Tanjung Pinang.

Panggilan kali yang kedua gema suaranya semakin nyaring. Burung-burung yang mula pulang ke sarang tidak jadi balik. Mungkin terkejut mendengar suara luar biasa itu. Burung-burung itu terbang sambil meninjau-ninjau dari atas pokok,

Gema panggilan yang seterusnya menyusup masuk ke dalam gaung gua dan masuk ke gegandang telinga Putera. Suara seorang wanita memanggil namanya. Namun dia ingin memastikan suara panggilan dari wanita manusia atau mahluk jadian seperti yang pernah dialaminya yang hanya ingin menggoda dan membinasakannya. Namun Putera bukan seberangan orang yang mudah ditipu. Tetapi suara yang didengarnya sebentar tadi adalah yang pernah didengarnya. Betulkah itu suara Kasuma? Diulanginya lagi adakah itu suara Kasuma, isterinya? Kalau benar suara itu suara Kasuma mengapa dia berada di sini? Bukankah sudah dikatakan tiada sesiapa pun datang menyusulinya ketika dia sedang menuntut ilmu dengan Sang Betara Guru. Jika pantang larang itu dilanggar maka padahnya amatlah buruk.

Putera benar-benar kecewa jika yang datang itu Kasuma. Adalah malang sekali kerana pertapaannya hanya tinggal beberapa ketika sahaja lagi. Bagaimanapun Putera ingin memastikan yang datang itu adalah isterinya, Kasuma atau hanya mahluk-mahluk jadian yang mahu menggagalkan pertapaannya dengan Sang Betara Guru. Beberapa langkah dia keluar dari gua pertapaan kelihatan seorang perempuan sedang merayau-rayau tidak berapa jauh di pintu gua. Kemudian Putera mendengar lagi suara perempuan itu memanggil dengan "Kanda Putera!" Maka dengan tidak syak lagi perempuan itu ialah Kasuma, isterinya. Lalu Putera pun berlari meluru mendapatkan isterinya kerana sudah hampir tiga purnama mereka tidak bertemu. Tetapi dengan tidak semena-mena kaki Putera tidak dapat melangkah. Begitu juga Kasuma kakinya terpaku. Tiba-tiba suara yang dahsyat sayup-sayup kedengaran bergema mengatakan bahawa mereka akan dihukum kerana melanggar pantang larang pertapaan. Putera memohon kepada Sang Betara Guru meminta supaya mereka diampunkan. Kasuma pun mengaku akan kesalahannya kerana tidak sabar menunggu kepulangan suaminya. Dia memohon kepada Sang Betara Guru supaya dia sahaja dihukum. Kerana dialah punca angkara itu. Manakala Putera memohon supaya mengampunkan Kasuma. Tetapi segala rayuan itu tidak diindahkan oleh Sang Betara Guru. Hukuman telah dijatuhkan kepada mereka berdua. Maka dengan serta merta Putera merasa seluruh tubuhnya menjadi keras. Kasuma dengan linangan air mata meminta maaf kepada suaminya sebelum seluruh tubuhnya menjadi batu.

Demikianlah kisah Sumpahan Batu Si Bongkok kerana melanggar sumpah. Lalu mereka berdua dihukum menjadi batu sehingga akhir zaman. **Kisah ini menjadi peringatan dan pengajaran kepada semua**

manusia bahawa jangan mengambil mudah apa sahaja perjanjian yang dipersetujui hendaklah dipatuhi supaya tidak mendatangkan kemudharatan kedua-dua belah pihak. Kisah ini juga mengingatkan kepada sebilangan isteri- isteri supaya tidak terpengaruh dengan hasutan yang akhirnya akan merugikan diri sendiri.

**Penutup dan cadangan:**

Oleh kerana cerita dongeng Sumpahan Batu Si Bongkok yang satu-satunya cerita dongeng yang ada di Labuan maka dicadangkan kepada pihak berkuasa seperti Perbadanan Labuan Bahagian Kebudayaan dan Pelancongan atau Jabatan Muzium Labuan supaya mengambil daya usaha menjaga dan memulihara sekiranya batu yang berunsur cerita dongeng ini masih wujud dijaga dengan sebaik yang mungkin. Kawasan dan peninggalan batu ini mungkin menjadi produk lawatan atau pelancongan pada masa akan datang.

Sekian.

\*yang berhuruf hitam tebal adalah tambahan.